

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

1. Hanya sebahagian daripada tanah yang dikhususkan untuk pendidikan di Taman Bagan, telah diberi untuk pembinaan sekolah. Di atas sebahagian lagi tanah (Lot 4952) (yang status guna tanahnya pendidikan) dibina Plaza Tol dan R&R Lebuhraya BKE.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memberi kebenaran untuk pembinaan R&R tersebut?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Berdasarkan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula oleh tuan tanah berdaftar iaitu Chainferry Development Sdn. Bhd., tanah yang diserahkan bagi tujuan tapak sekolah di Taman Bagan adalah Lot 4953 yang berkeluasan 4.552 ekar. Lot 4953 tidak terlibat dengan pengambilan tanah bagi Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth Plaza Tol 3, Seksyen 3, Bandar Butterworth.
  - (a) Lot yang terlibat dengan pengambilan adalah Lot 4952, lot tersebut telah diberimilik semula bagi tujuan kediaman kepada tuan tanah iaitu Chainferry Development Sdn. Bhd. Namun, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 30 Oktober 2002 dan disahkan pada 6 November 2002 telah meluluskan permohonan pengambilan balik tanah bagi tujuan awam iaitu Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth Plaza Tol 3, Seksyen 3, Bandar Butterworth di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Lot 4952

merupakan salah satu lot yang terlibat bagi permohonan pengambilan tanah yang telah diluluskan.

Permohonan pengambilan tersebut telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 297 bertarikh 21 November 2002.